

TARIKH : 8 MEI 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23

BNM dijangka kekal OPR 3.00 peratus

Bisnes

+ Ikuti lebih berita di www.bharian.com.my

BNM dijangka kekal OPR 3.00 peratus

Penganalisis lihat keputusan sejajar keadaan ekonomi semasa yang stabil

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada paras 3.00 peratus dalam mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) hari ini, mencerminkan usaha menyeimbangkan keperluan menyokong pertumbuhan ekonomi dan mengawal inflasi yang masih terkawal.

Penganalisis Ekonomi Strat369 Consulting, Dr Mohamad Khair Afham Muhamad Senan, berkata keputusan itu sejajar dengan keadaan ekonomi semasa yang stabil meskipun berdepan cabaran luar seperti perang tarif dan ketegangan geopolitik.

"Tekanan inflasi yang sederhana serta pertumbuhan ekonomi yang mampan membolehkan BNM mengekalkan dasar monetari sedia ada tanpa keperluan untuk pelonggaran atau pengetatan tambahan," katanya kepada BH.

Meskipun MPC BNM dijadual berlangsung hari ini, jangkaan OPR dikekalkan pada paras semasa.

"Pada mesyuarat terdahulu Mac lalu, BNM mengekalkan OPR buat kali ke-11 berturut-turut pada 3.00 peratus, paras yang tidak berubah sejak Mei 2023.

Mengulas lanjut, Mohamad Khair berkata, inflasi dijangka kekal dalam julat 2.0 hingga 3.5 peratus bagi tahun 2025, disokong kestabilan kos global serta pelaksanaan rasionalisasi subsidi dan pelarasan cukai secara bersasar oleh kerajaan - faktor yang membantu mengawal tekanan harga tanpa membekankan pengguna.

"BNM mengambil pendekatan berhati-hati dalam memantau risiko luaran, termasuk ketegangan geopolitik dan pergerakan harga komoditi. Namun, selagi inflasi kekal dalam julat sasaran, dasar monetari semasa adalah memadai," katanya.

Beliau menjelaskan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia kekal positif, dipacu permintaan domestik yang kukuh, peningkatan pelaburan swasta serta pemuliharaan eksport dalam sektor teknologi dan pelancongan. Gabungan faktor ini, katanya, mengurangkan keperluan kepada pelonggaran tambahan melalui pemotongan kadar faedah.

"Selagi permintaan domestik dan prestasi eksport bukan E&E kekal kukuh, BNM tidak perlu mengambil langkah agresif," ujarnya.

Namun, Mohamad Khair berkata, BNM kekal bersedia untuk bertindak sekiranya ada petunjuk kelembapan ketara dalam ekonomi

domestik atau global, seperti ketegangan perdagangan yang memberi kesan kepada eksport atau kelemahan pelaburan swasta.

"Sekiranya pertumbuhan mula terjejas, terutama akibat faktor luaran seperti pengenaan tarif baharu atau kelembapan permintaan teknologi, pelonggaran dasar mungkin dipertimbangkan menjelang akhir tahun," katanya.

Menurut beliau, sebarang pemotongan OPR hanya akan dipertimbangkan jika inflasi susut di bawah paras 2.0 peratus secara konsisten atau sekiranya berlaku penurunan ketara dalam pertumbuhan ekonomi global.

"Dasar monetari turut akan mengambil kira hala tuju Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat, khususnya jika kadar faedah diturunkan sebanyak 50 mata asas menjelang suku ketiga 2025, yang berkemungkinan memberi kesan kepada aliran modal dan nilai ringgit," katanya.

Sementara itu, MIDF Research

dalam nota penyelidikannya menjangka BNM akan mengekalkan kadar OPR pada mesyuarat kali ini memandangkan kadar inflasi dijangka kekal terkawal tahun ini.

"Inflasi dijangka berada pada sekitar 2.5 peratus, terutama dipacu tekanan harga daripada pelaksanaan dasar baharu seperti subsidi bersasar petrol RON95, peluasan skop Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) serta peningkatan kadar gaji minimum," katanya.

Bagaimanapun, firma itu berkata, tekanan inflasi mungkin berkurangan susulan kejatuhan harga minyak mentah Brent di bawah AS\$70 satu tong baru-baru ini selepas pengumuman tarif balas oleh AS.

Langkah dasar bersesuaian

Dalam pada itu, Ketua Ekonomi dan Kewangan Sosial Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid berpandangan BNM mungkin menurun-

kan kadar OPR sebanyak 25 mata asas kepada 2.75 peratus.

Katanya, langkah itu wajar dipertimbangkan berikutan ketidaktentuan global, termasuk kejutan tarif import Amerika Syarikat (AS) yang belum menunjukkan jalan penyelesaian.

"Selain itu, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) juga menyemak semula unjuran pertumbuhan ekonomi global kepada 2.8 peratus daripada 3.3 peratus bagi 2025.

"Malaysia sebagai sebuah ekonomi terbuka yang bergantung kepada perdagangan dan pelaburan asing, dijangka turut terkesan dengan perkembangan ini. Maka, pengurangan OPR sebanyak 25 mata asas dilihat sebagai langkah dasar bersesuaian bagi memastikan momentum pertumbuhan dapat dikekalkan, terutama pada separuh kedua 2025," katanya.

Menurut beliau, inflasi masih terkawal dengan IHP Mac mencatatkan 1.4 peratus, manakala pelaksanaan rasionalisasi subsidi RON95 dijangka dilaksanakan secara bersasar agar golongan layak terus menerima manfaatnya.

"Oleh itu, cadangan pengurangan OPR adalah bertepatan dengan keperluan semasa ekonomi, khususnya dalam memastikan kelangsungan pertumbuhan.

"Kami menjangkakan pertumbuhan ekonomi pada separuh kedua tahun ini sekitar 3.5 peratus. Justeru, langkah ini boleh merangsang permintaan domestik yang penting dalam menangani kesan kelembapan global," katanya.

Tekanan inflasi yang sederhana serta pertumbuhan ekonomi yang mampan

membolehkan BNM mengekalkan dasar monetari sedia ada tanpa keperluan untuk pelonggaran atau pengetatan tambahan



Mohamad Khair Afham Muhamad Senan,
Penganalisis Ekonomi Strat369 Consulting